

Ruj. Kami : USM. 10/4/1 JLD. III

Tarikh : 28 Julai 2022

Pengarah Kampus/Dekan/Pengarah/  
Penyelaras/Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/Pusat/Unit/Jabatan  
Kampus Induk/Kesihatan/Kejuruteraan

**Bangunan Canselori**  
(Chancellory Building)

11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof/Dr./Tuan/Puan,

**PERMOHONAN DAN PENCALONAN**  
- **ANUGERAH PENTADBIR SANJUNGAN 2021**

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Malaysia (USM) telah memperkenalkan Anugerah Pentadbir Sanjungan pada setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada warga USM yang telah menunjukkan kesanjungan dan kecemerlangan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam penghasilan tugas serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof/Dr./tuan/puan, Anugerah Pentadbir Sanjungan ini terbuka kepada semua staf Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana yang merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang sedia ada di universiti sama ada di peringkat Unit, Bahagian atau Jabatan.

3. Sehubungan dengan ini, dengan penuh takzim pihak universiti ingin mempelawa staf yang berkelayakan dan memenuhi syarat untuk memohon Anugerah Pentadbir Sanjungan 2021 secara sendiri. Pencalonan juga boleh dibuat oleh Ketua Jabatan bagi staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing atau staf juga boleh mencalonkan staf lain yang berkelayakan.


4. Permohonan dan pencalonan dibuka secara atas talian dari **1 Ogos 2022 hingga 31 Ogos 2022** di pautan <http://pentadbirsanjungan.usm.my> .

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**


**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. MUSA BIN ALI)**  
Pendaftar

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan  
Anugerah Pentadbir Sanjungan 2021





# Anugerah

## PENTADBIR SANJUNGAN 2021

Pencalonan terbuka mengikut kategori **Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)** dan **Staf Kumpulan Pelaksana di USM** yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam urusan pekerjaan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

Pencalonan dibuka secara atas talian dari  
**1 hingga 31 Ogos 2022**  
di <https://pentadbirsanjungan.usm.my>



Pencalonan Kendiri



Pencalonan  
Ketua Jabatan



Pencalonan Terbuka



# Anugerah

## PENTADBIR SANJUNGAN 2021

**Kumpulan  
Pengurusan &  
Professional**

**Kumpulan  
Pelaksana**

Pencalonan terbuka mengikut kategori **Staf Kumpulan Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)** dan **Staf Kumpulan Pelaksana di USM** yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, hasil sumbangan menerusi kreativiti dan inovasi dalam urusan pekerjaan serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan.

Pencalonan dibuka secara atas talian dari  
**1 hingga 31 Ogos 2022**  
di <https://pentadbirsanjungan.usm.my>